

Berita Minggu MALAYSIA

AHAD, 26 JUN, 1983

Gerakan-MCA bergabung: Suatu keinginan yang memang wajar

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KEHEBOHAN dalam Gerakan sekarang ini yang terbit dari cadangan Naib Presidennya Datuk Michael Chen baru-baru ini, yang dikatakan bermaksud untuk menggabungkan MCA dengan Gerakan, barangkali dapat diatasi. Pimpinan Parti Gerakan telah pun menerima penjelasan Datuk Chen tetapi nampaknya penjelasan itu kurang meyakinkan setengah-setengah golongan dalam Gerakan sendiri, terutama golongan keturunan bukan Cina. Parti Gerakan, sekalipun bercorak pelbagai kaum dan memang pula terdiri keanggotaannya dari kaum-kaum lain, namun sebahagian besar anggotanya dari satu kaum saja. Yang demikian, tentulah wajar kalau sekiranya timbul saranan bahawa parti itu bergabung dengan MCA sekalipun MCA sebuah parti perkauman. Demikian jugalah

kalau sekiranya timbul syor supaya DAP bergabung dengan MCA atau Gerakan. Sekali pun DAP kononnya bercorak pelbagai kaum dan berfahaman sosialis pula, tetapi hakikatnya ia adalah sebuah parti kaum Cina melu dan rakyat tidak hairan andainya ada syor-syor ketiga-tiga parti itu bergabung menjadi satu.

Dalam keadaan demikian, tidak mustahil dalam kalangan Gerakan telah sedia ada keinginan dan harapan untuk bergabung dengan MCA sekalipun keinginan itu tidak lahir dari Datuk Michael Chen sendiri. Keinginan itu memang wajar, apalagi kini kian kuat terdengar suara-suara dari parti-parti politik yang terasnya terdiri dari kaum Cina,

menyerukan supaya kaum Cina bersatu padu demi menjaga kepentingan mereka di masa hadapan. Seruan-seruan ke arah perpaduan kaum Cina dalam negara inilah yang mungkin menimbulkan suara-suara dalam parti-parti seperti Gerakan, MCA, DAP agar MCA bergabung dengan DAP atau Gerakan bergabung dengan MCA.

Memang satu kenyataan bahawa parti apa pun dalam negara ini terpaksa memperhitungkan dan mengambil kira isu-isu perkauman dan menjadi juara kaum terbanyak yang menjadi anggotanya. Seperti halnya dengan DAP yang sekalipun mendabik dada sebagai parti sosialis namun menonjolkan isu-isu perkauman untuk 'survivalnya' sendiri

sebagai sebuah parti pembangkang.

Yang demikian, kenyataan politik di negara ini ialah kaum-kaum yang merupakan masyarakat majmuk Malaysia masing-masing masih mempunyai kepentingan-kepentingan yang tersendiri yang memerlukan pembelaan menurut caranya yang tersendiri pula. Hal ini sebenarnya tidaklah merugikan atau mengecewakan perpaduan negara asal saja dalam memperjuangkan kepentingan terkhusus dari satu-satu golongan, kepentingan yang ramai diperhitungkan juga.

Tetapi malangnya parti-parti politik, demi kepentingan memancing pengaruh dan undi, lebih suka membesarkan isu-isu kaumnya yang boleh menjejaskan perpaduan da-

lam masyarakat. Kepentingan satu-satu kaum tidak harus dibiarkan menjadi alat dan bahan propaganda politik kerana bahayanya ialah pihak lain pula yang merasa seperti kepentingannya pula terjejas, lalu mengambil sikap dan pendirian mempertahankan apa yang dianggap sebagai haknya. Maka itu selalu kita mendengar pemimpin kerajaan menyeru supaya kepentingan satu-satu kaum jangan dicampur-adukkan dengan isu politik atau dijadikan alat parti politik. Bila satu-satu masalah yang khusus menyentuh satu-satu golongan telah diputar sebagai soal politik, ia menjadi semakin kosot untuk diselesaikan.

Tetapi adakah hal ini dapat dihindarkan dan dihapuskan dari amalan part-parti politik di negara kita? Faktor perkauman boleh dikurangi kalau parti-parti politik tidak terdorong untuk memperalatkan isu-isu kepentingan kaum. Hal ini tentunya sukar dicapai, seperti yang terbukti dari seruan-seruan kepada parti-parti MCA dan Gerakan, untuk bergabung menjadi satu dan peristiwa Datuk Michael Chen dalam Gerakan sekarang, di mana soal perpaduan MCA-Gerakan heboh sekali.